

14 MAY 1996

Bahagian pertama daripada laporan khas dua bahagian
CROATIA BUKA PINTUNYA KEPADA PELABUR ASING

Oleh: Salbiah Said

KUALA LUMPUR, 14 Mei (Bernama) -- Pada 3 April, agensi-agensi berita melaporkan bahawa sebuah pesawat Boeing 737 membawa Setiausaha Perdagangan Amerika Syarikat Ron Brown terhempas di selatan Croatia. Semua 32 penumpang terbunuh.

Tragedi itu mungkin dianggap sebagai satu alamat tidak baik tetapi bagi ahli-ahli perniagaan Malaysia yang membuat lawatan pelaburan sulung ke Croatia, berita itu tidak dianggap sedemikian.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang sedang melakukan lawatan rasmi ke Croatia pada 18 April, tidak mengubah jadualnya walaupun menerima berita malang itu.

Masih terdapat salah tanggapan di kalangan banyak orang, termasuk rakyat Malaysia, bahawa Croatia masih berperang walaupun negeri yang membentuk bekas Yugoslavia itu merdeka dalam 1991 dan menjadi anggota Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu setahun kemudian.

Kaunselor di jabatan hubungan ekonomi asing di Kementerian Ekonomi Croatia, Alem Pocrnja berkata walaupun kematian Brown menyedihkan, beliau yakin pelaburan akan mencurahkan masuk untuk memberi nafas baru kepada ekonomi yang amat memerlukan modal asing itu.

Seperti banyak ekonomi bekas blok komunis, ekonomi Croatia sedang dalam proses pengubahan. Pemerintah menganggarkan bahawa ia memerlukan sekurang-kurangnya AS\$3 bilion (kira-kira RM7.44 bilion) daripada sumber asing dalam masa dua tahun ini sahaja.

Menteri Ekonominya Davor Stern berkata Croatia memberi tumpuan kepada pemajuan ekonomi pasaran terbuka dan penyatuan secara beransur-ansur ke dalam mekanisme ekonomi Eropah dan sejagat.

Dan Croatia, tambahnya, bersedia untuk itu. Ia mempunyai perundangan perniagaan yang moden, sumber-sumber asli dan perusahaan yang banyak dan matawang yang stabil, iaitu kuna.

"Kedudukannya juga amat sesuai; itu sahaja sudah cukup bagi membolehkan banyak syarikat antarabangsa yang terkenal melabur di dalam perusahaan Croatia, mereka sedar bahawa antara asetnya ialah kakitangan yang terlatih, berkeupayaan dan berdaya cipta, dan semuanya itu menyumbang kepada produk buatan Croatia yang bermutu tinggi," katanya.

Sebagai sebuah negara kecil di atas peta dunia, Croatia mungkin telah dipintaskan oleh pengembara dunia jika ia tidak terkenal kerana pemandangan yang indah, pantai yang bersih dan nyaman serta keramahan orang Croatia, tambahnya.

Presiden dewan ekonomi Croatia Nadan Vidosevic berkata bahawa pelaksanaan perjanjian damai serantau membuka jalan bagi penggunaan sumber-sumber dengan lebih cekap dan mempercepatkan pertumbuhan.

"Pembukaan sempadan di Eropah Timur, pengukuhan mekanisme ekonomi Eropah yang sama dan penyatuan ke dalam ekonomi sejagat menjadi cabaran baru yang mereka inginkan dan mampu menghadapinya," tambahnya.

Croatia, katanya, mempunyai semua prerogatif ekonomi untuk itu - kedudukan yang sesuai dari segi geopolitik dan perhubungan, perundangan yang memberi rangsangan kepada pelaburan asing dan sistem cukai yang sepadan dengan yang terdapat di negara-negara maju.

Perlembagaan Croatia menjamin pemindahan keuntungan dan pemulangan modal yang tidak terbatas; tiada perubahan bagi modal yang dilaburkan; layanan yang sama bagi pemilikan hartanah persendirian dan pelabur-pelabur domestik dan asing.

Sebab lain termasuk ketiadaan halangan dagangan; sumber manusia yang berpendidikan dan cukup terlatih untuk sebuah ekonomi pasaran; pelancongan; pertanian; pemprosesan makanan dan pembinaan kapal; tiada had bagi pelaburan hartanah oleh syarikat; tiada had bagi penubuhan bank dan syarikat insurans asing dan kadar cukai keuntungan sebanyak 25 peratus.

Pelabur asing boleh membuka bengkel atau bertindak sebagai pedaganag tunggal; mendapatkan konsesi untuk menerokai sumber-sumber asli dan sumber lain yang penting bagi Croatia dan mengambil bahagian dalam projek bina-kendali-pindah (B.O.T.).

Secara bersendirian atau bersama-sama entiti domestik, mereka juga boleh menubuhkan sebuah syarikat komersil awam, perkongsian terbatas, sebuah syarikat pemegang atau sebuah syarikat tanggungan terhad.

Sebuah entiti asing juga boleh memiliki ekuiti dan saham dalam syarikat-syarikat komersil sedai ada.

Dewan berkenaan berkata sifat terpenting perundangan Croatia mengenai pelaburan asing ialah ia tidak membezakan antara pelabur asing dan dalam negeri.

Selain itu, pelabur asing berhak mendapat jaminan khas yang tidak diberikan kepada pelabur dalam negeri.

Pendekatan sedemikian rupa dimungkinkan oleh pengubahan Croatia ke dalam ekonomi pasaran bebas berasaskan harta persendirian. Prinsip-prinsip itu termaktub di dalam Perlembagaan Croatia yang menjamin hak-hak yang diperolehi daripada pelaburan modal tidak akan disekat oleh undang-undang, dan bahawa para pelabur boleh dengan bebas memindahkan keuntungan mereka ke luar negeri.

"Undang-undang syarikat yang baru adalah satu penerobosan besar kerana ia menjamin hak yang sama bagi pelabur asing di bawah syarat-syarat timbal balik," tambahnya. -- BERNAMA

SS SIA